

Meneroka Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Pembentukan Sahsia Murid Sekolah Menengah

Exploring The Role of Guidance and Counseling Teachers in the Formation of High School Students

Rabiatul Adawiyah Ahmad Nazari & Mazita Ahmad*

Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email: mazita@fpm.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 01th January 2026

Revised: 20th March 2026

Accepted: 13rd May 2026

Published : 22th May 2026

KATA KUNCI

Guru Bimbingan dan Kaunseling
Sahsia Murid
Sekolah Menengah
Peranan
Cabaran
Ibu bapa

ABSTRAK - Pandemik Covid-19 telah meninggalkan kesan yang mendalam terutama kepada sistem pendidikan dan ini termasuklah dari aspek pembentukan sahsiah murid sekolah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka pandangan, peranan serta cabaran yang dilalui oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dalam usaha membentuk sahsiah murid sekolah menengah. Teori Erikson digunakan dalam kajian bagi melihat hubungkait tahap kelima iaitu identiti melawan kekeliruan identiti dengan pembentukan sahsiah murid sekolah menengah yang berada dalam lingkungan murid. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi. Seramai empat peserta kajian yang merupakan Guru Bimbingan dan Kaunseling yang dipilih melalui persampelan bertujuan untuk ditemu bual bagi mendapatkan data. Data kajian dikumpul melalui kaedah temu bual semi-struktur dan dianalisis secara tematik. Hasil dapatan kajian dan analisis data mendapati terdapat enam tema utama dibina iaitu persepsi mengenai sahsiah, faktor dan konflik pembentukan identiti murid, tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling, keperluan sokongan bagi pembentukan sahsiah murid sekolah menengah, intervensi dan strategi menangani isu sahsiah murid dan cabaran dalam pembentukan sahsiah murid sekolah menengah. Kajian ini berbeza dengan kajian terdahulu yang lebih menumpukan peranan guru secara umum, kajian ini memberi fokus khusus kepada peranan GBK dan bentuk cabaran yang mereka hadapi dalam menangani isu sahsiah murid sekolah menengah. Kajian ini turut membincangkan implikasi kajian terhadap GBK, ibu bapa, dan KPM dalam membentuk sahsiah murid secara holistik. Kajian ini juga turut memberi cadangan untuk memperbaiki modul kaunseling dan meningkatkan sokongan serta latihan bagi GBK.

ABSTRACT - The Covid-19 pandemic has left a deep impact especially to the education system and this includes the aspect of the salivation of the school's students. Therefore, this study aims to explore the views, roles and challenges passed by guidance and counseling teachers (GBK) in order to form the high school student. The Erikson theory is used in a study to see the fifth level of the fortune of the identity against the identity confusion with the formation of the high school students in the teenagers. This study uses a qualitative approach with phenomenological design. A total of four research participants who are guidance and counseling teachers selected through sampling aimed at interviewed for data. The data data was collected through semi-structure and interviewed methods. The findings of the findings and data analysis found that there were six main themes of construction from the personality, factor and conflict of formation of student identity, guidance and counseling teachers' responsibilities, support requirements for the formation of high school students, interventions and strategies in addressing student issues and challenges in the formation of high school

students. This study differs from previous studies that focus on the role of teachers in general, this study focuses specifically to the role of GBK and the challenge for which they face in addressing the high school issues of high school students. The study also discussed the implications of studies on GBK, parents, and KPM in forming holistic students. The study also proposes improvements to counselling modules and recommends enhancing support and training for GBK.

Keywords: Teacher and Counseling Teachers, Students of Students, Secondary School, Role, Challenge, Parents

PENGENALAN

Isu sahsiah dalam kalangan murid bukanlah perkara baharu dalam dunia pendidikan, namun ia semakin mencabar dan kompleks untuk ditangani, terutamanya selepas era pasca Covid-19. Pandemik yang melanda seluruh dunia telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pelbagai aspek kehidupan, termasuk nilai moral dan tingkah laku murid di sekolah. Ketika pembelajaran secara dalam talian berlangsung, isu tingkah laku murid menjadi semakin ketara, termasuk kehilangan nilai adab dan rasa hormat terhadap guru. Fenomena ini dilihat berlarutan sehingga kini, sebagaimana dinyatakan oleh Salwa Syazwani Rustim et al. (2022), yang menggambarkan kebimbangan terhadap sahsiah murid yang semakin merosot. Salah satu aspek yang membimbangkan ialah sikap murid yang semakin berani mencela guru secara terbuka, sebagaimana dikongsi dalam laporan berita oleh Mstar pada April 2024.

Dalam konteks ini, peranan guru tidak lagi terbatas kepada penyampaian ilmu, malah turut merangkumi tanggungjawab membentuk sahsiah dan nilai moral murid. Laporan Berita Harian oleh Ahmad Suheal Adnan (2023) menegaskan bahawa hilangnya adab murid terhadap guru boleh membawa kepada hilangnya keberkatan ilmu, manakala Sinar Harian (2024) pula melaporkan bahawa isu tingkah laku seperti ponteng dan kegagalan menghadiri peperiksaan awam turut menyumbang kepada peningkatan masalah sahsiah. Perubahan ini mencerminkan cabaran besar yang dihadapi oleh guru dalam menyesuaikan peranan mereka sebagai pendidik, fasilitator, dan teladan.

Kajian terdahulu oleh Norharah Hamid dan Faridah Mydin Kutty (2021) mendapati bahawa penghayatan nilai adab kesopanan adalah elemen penting dalam pembentukan sahsiah, namun ia bukan satu-satunya faktor yang mempengaruhi amalan adab murid. Faktor latar belakang keluarga, didikan ibu bapa, dan kesedaran diri turut memainkan peranan penting. Seiring dengan perkembangan ini, kaunselor sekolah atau Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) diiktiraf sebagai individu penting dalam usaha menangani isu sahsiah. Mereka bertanggungjawab menyediakan intervensi dan program yang berkesan bagi membantu murid mengembangkan potensi diri serta memupuk nilai adab yang baik.

Artikel ini bertujuan untuk meneroka sudut pandang Guru Bimbingan dan Kaunseling terhadap peranan mereka dalam membentuk sahsiah murid di sekolah menengah. Melalui pendekatan kualitatif, kajian ini memberi fokus kepada cabaran dan strategi yang digunakan oleh GBK dalam mengatasi isu sahsiah, serta implikasi peranan ini terhadap pembentukan generasi muda yang bermoral dan beradab.

PERNYATAAN MASALAH

Murid sekolah merupakan aset penting dalam menjamin kemajuan dan kekuatan masyarakat serta negara. Oleh itu, golongan ini wajar dibentuk dengan acuan terbaik bagi melahirkan modal insan yang bersahsiah baik. Walau bagaimanapun, Ismail et al. (2021) berpandangan bahawa keterlibatan remaja Islam di Malaysia dalam perkara-perkara yang meruntuhkan sahsiah adalah amat membimbangkan dan memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Faktor-faktor seperti kurangnya didikan agama, kegagalan institusi rumah tangga, dorongan rakan sebaya, pendedahan kepada teknologi tanpa kawalan, dan pergaulan bebas dikenal pasti sebagai punca utama isu keruntuhan sahsiah murid. Hal ini menjejaskan bukan sahaja pembentukan keperibadian murid tetapi juga memberi impak kepada sektor pendidikan, yang memikul tanggungjawab besar dalam usaha membendung isu ini.

Kepesatan teknologi juga menjadi penyumbang kepada keruntuhan sahsiah murid. Menurut Nurul Izzah et al. (2021), media sosial memberi kesan negatif terhadap pembentukan keperibadian murid melalui pendedahan kepada unsur-unsur tidak bermoral seperti pornografi, keganasan, dan bahasa tidak sopan. Situasi ini mencetuskan kebimbangan terhadap generasi murid masa kini. Tambahan pula, pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) turut menonjolkan isu sahsiah murid. Salwa Syazwani Rustim et al. (2022) melaporkan bahawa guru berhadapan dengan pelbagai cabaran berkaitan sahsiah murid sepanjang dan selepas tempoh PdPR, termasuk kejadian gangguan dalam talian yang memberi kesan negatif terhadap proses pembelajaran. Di samping itu, laporan berita seperti yang disiarkan oleh Astro Awani (2021) turut memperkukuhkan kewujudan isu ini. Salah satu insiden melibatkan murid memaparkan video lucah semasa sesi PdPR, yang mencerminkan tahap sahsiah murid yang membimbangkan. Kajian terdahulu, seperti Gui et al. (2020), membincangkan peranan guru dalam pembentukan sahsiah murid, termasuk menjadi teladan, kaunselor, dan pencipta persekitaran pembelajaran yang positif. Namun, kajian tersebut memberi fokus kepada guru biasa dan bukan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK).

Dalam konteks ini, kajian mengenai peranan dan cabaran yang dihadapi oleh GBK dalam membentuk sahsiah murid sekolah menengah adalah amat terhad. Oleh itu, timbul minat pengkaji untuk meneroka lebih mendalam pandangan GBK terhadap isu ini. Selain memahami peranan GBK, pengkaji juga ingin meneliti cabaran yang dihadapi mereka, seperti yang diutarakan oleh Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2022) dan Nurzatil Ismah Azizan et al. (2021), termasuk cabaran psikologi, teknologi, dan keperluan mengenal pasti ikon sebagai model sahsiah. Justeru, kajian ini berpotensi menyumbang kepada kefahaman yang lebih komprehensif mengenai peranan dan cabaran GBK dalam membentuk sahsiah murid sekolah menengah.

OBJEKTIF

- I. Meneroka pandangan Guru Bimbingan dan Kaunseling terhadap pembentukan sahsiah murid sekolah menengah.
- II. Meneroka peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam usaha membentuk sahsiah murid sekolah menengah.
- III. Meneroka cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam pembentukan sahsiah murid sekolah menengah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang bertujuan untuk memahami fenomena sahsiah dalam kalangan murid sekolah menengah melalui perspektif Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK). Pendekatan ini melibatkan pengumpulan data secara mendalam menggunakan temu bual semi-struktur, yang membolehkan pengkaji meneroka pandangan, peranan, dan cabaran yang dihadapi oleh GBK dalam usaha mereka membentuk sahsiah murid. Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan dan peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima tahun dan status sebagai kaunselor sepenuh masa.

Kajian ini dilaksanakan melalui prosedur pertama iaitu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui sistem eRAS dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Pengkaji juga memohon kebenaran daripada pihak sekolah sebelum menjalankan temu bual. Borang persetujuan termaklum dan maklumat kajian seperti kerahsiaan penglibatan dan risiko diterangkan kepada peserta kajian sebelum memulakan kajian. Pengumpulan data dimulakan dengan pembinaan soalan protokol temubual dan mendapat pengesahan daripada empat orang pakar dalam bimbingan dan kaunseling. Seterusnya, temu bual dijalankan secara bersemuka dengan jumlah masa 30 hingga 60 minit bagi seorang peserta kajian. Temu bual semi struktur dijalankan oleh pengkaji dan dirakam menggunakan telefon bimbit untuk tujuan ditranskripsikan dalam bentuk verbatim.

Data dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Pengkaji membaca secara berulang-ulang dan menganalisis data-data yang dapat dibina berdasarkan transkripsi verbatim. Bagi memastikan data yang diperolehi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan tinggi, pengkaji meminta peserta kajian untuk menyemak semula transkrip temu bual (*members check*) dan mengesahkan transkrip tersebut. Pengkaji juga memastikan penggunaan soalan protokol temu bual yang sama bagi kesemua peserta

kajian yang terlibat bagi memastikan data yang diperoleh konsisten dan adil. Data bagi kajian ini dilakukan secara pendekatan tematik, di mana data dianalisis melalui proses pengkodan, proses mengkategorikan data dan pengecaman tema utama berdasarkan jawapan peserta. Setelah proses ini dilakukan, pengkaji membuat semakan semula bagi kod-kod yang telah dibina dan tema-tema yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam dapatan kajian (Clarke & Braun, 2013).

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian menemui 6 tema utama yang terdiri daripada persepsi Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) mengenai sahsiah, faktor dan konflik pembentukan identiti murid, tanggungjawab GBK, keperluan sokongan bagi pembentukan sahsiah murid sekolah menengah, intervensi dan strategi menangani isu sahsiah dan kekangan GBK dalam pembentukan sahsiah murid sekolah menengah.

Persepsi mengenai sahsiah

Hasil analisis data telah menemui dua sub tema bagi persepsi GBK mengenai sahsiah iaitu takrifan sahsiah dan ciri-ciri pelajar yang bersahsiah baik.

Takrifan sahsiah: peserta kajian 1 melihat sahsiah sebagai konsep holistik meliputi penampilan, karakter, dan jati diri, seperti yang dinyatakan, "Sahsiah itu adalah sesuatu yang menyeluruh... meliputi penampilan, karakter dan juga jati diri murid." Sementara itu, peserta kajian 2 menekankan bahawa sahsiah berkait rapat dengan akhlak dan tingkah laku, "sahsiah dia adalah berkaitan dengan akhlak perbuatan diaorang tingkah laku diaorang". Peserta kajian 3 pula menganggap sahsiah sebagai keseimbangan antara aspek luaran dan dalaman seseorang, "Sahsiah melibatkan hubungan dengan karakter diri manusia... keseimbangan antara aspek luaran dan dalaman." Peserta kajian 4 pula menegaskan bahawa sahsiah perlu dibentuk melalui disiplin dan perancangan yang rapi. Secara keseluruhannya, meskipun terdapat variasi dalam tafsiran, semua peserta bersetuju bahawa sahsiah yang baik adalah elemen penting dalam pembentukan peribadi dan kejayaan murid dalam kehidupan.

Karakteristik murid yang bersahsiah baik: Karakteristik murid bersahsiah baik merangkumi beberapa aspek penting. Peserta kajian 1 menekankan kesopanan dan budi bahasa serta kepatuhan kepada peraturan sekolah, "Murid yang bersahsiah baik itu bersopan santun, berbudi bahasa, dan tidak melakukan salah laku disiplin." peserta kajian 2 pula menekankan penampilan kemas, pengurusan masa yang baik, serta interaksi positif dengan masyarakat, "Penampilan dia kemas, menghormati orang lain, dan tahu mengurus masa dengan baik." Sementara itu, peserta kajian 3 melihat keseimbangan antara aspek dalaman dan luaran sebagai ciri penting, "Sahsiah yang baik ada unsur rohani dan tingkah laku yang baik." peserta kajian 4 pula menegaskan kepatuhan kepada arahan guru dan menjaga batas pergaulan, "Murid bersahsiah baik ialah yang ikut cakap guru dan menjaga pergaulan dengan baik."

Tanggungjawab GBK

Hasil analisis data telah menemui enam sub tema bagi tanggungjawab GBK dalam pembentukan sahsiah murid sekolah menengah.

Bidang tugas GBK: Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) terfokus pada empat bidang tugas utama, antaranya Pembangunan dan Perkembangan Sahsiah Diri Murid. Peserta kajian 1 menjelaskan bahawa GBK memainkan peranan besar dalam membentuk sahsiah murid. Begitu juga, peserta kajian 2 menambah bahawa semua tugas kaunselor melibatkan empat bidang ini, yang berkaitan rapat dengan pembentukan sahsiah murid. Kesemua bidang ini bertujuan untuk membina individu yang berkarakter baik.

Pendekatan Secara Langsung: GBK melaksanakan pelbagai program untuk membentuk sahsiah murid. Peserta kajian 1 menyatakan bahawa untuk pembentukan sahsiah murid, "Kita buat program seperti kursus kepimpinan untuk pembentukan sahsiah." Selain itu, peserta kajian 2 menekankan program seperti Duta Sahsiah dan Pembentukan Karakter, yang mengutamakan penampilan, pengurusan masa, dan amalan 3S (Senyum, Salam, Sapa). Peserta kajian 3 pula berkongsi, "Program Menjadi Lelaki Budiman dan Manisnya Menjadi Gadis membantu meningkatkan jati diri." Peserta kajian 4 pula menambah, "Membaca Al-Quran setiap pagi lembutkan hati murid," sambil melaksanakan

ceramah peningkatan sahsiah seperti buli dan gangguan seksual. Semua program ini adalah antara usaha yang dilaksanakan oleh GBK membantu membentuk sahsiah murid ke arah yang lebih baik.

Pendekatan Secara Tidak Langsung: Peserta kajian 1 menjelaskan, "Kita tegur murid secara tidak langsung, kita tak sebut 'sahsiah' secara langsung, tapi teguran kita sebenarnya untuk membentuk sahsiah mereka." GBK juga merancang program yang memberi kesan kepada sahsiah murid, seperti yang dikongsi peserta kajian 1, "Apa sahaja program yang kita rancang, tujuannya untuk membentuk sahsiah unggul murid." Begitu juga dengan program luahan perasaan yang dijalankan peserta kajian 2, di mana murid menulis surat kepada ibu bapa. "Dengan luahan ni, kita dapat kesan masalah murid dan cuba bantu mereka," kata peserta kajian 2. Pendekatan ini membantu dalam memahami dan membentuk sahsiah murid secara halus.

Pembahagian Tugas: Peserta kajian 3 menekankan bahawa selain melaksanakan program, GBK perlu bijak membahagikan tugas dengan guru-guru untuk memastikan objektif pembentukan sahsiah murid tercapai. Menurutnya, "GBK sangat penting untuk membentuk tingkah laku pelajar, terutama untuk membina karakter." dan "Kita kena bahagikan tugas, contohnya dalam program mentor-mentee untuk membina sahsiah baik, kita perlu bantuan daripada guru-guru." Beliau menjelaskan bahawa walaupun GBK memainkan peranan penting, namun kerjasama guru-guru juga penting untuk keberkesanan program.

Peluang kedua untuk murid: Berdasarkan analisis data pada peserta kajian 4, beliau menyatakan bahawa guru kaunseling di sekolah perlu menarik murid-murid yang tergelincir daripada landasan yang sebenar. Hukuman bukanlah satu penyelesaian malah, jika murid ditarik dan diberi peluang mungkin mereka akan mendapat kesedaran dan melakukan perubahan diri. "Pentingnya ada guru kaunseling di sekolah. kita boleh menarik balik ni pelajar pelajar yang agak tergelincir dari real mereka yang sebenar" dan "Kita boleh kita tarik dia bimbing dia perlahan lahan, bagi motivasi pada dia, akhirnya dia boleh sedar diri." Kata peserta kajian 4.

Menunjukkan Personaliti GBK: Personaliti sebagai GBK yang berempati, menerima tanpa syarat atau tidak berikap bias terhadap isu yang dikongsi juga memainkan peranan yang penting. Dalam konteks kajian ini, peserta kajian 4 memberikan tekanan bahawa GBK perlu menunjukkan personaliti sebagai seorang GBK bagi membina kepercayaan dan keselesaan pada pelajar. Malah, GBK tidak boleh bertindak dan menerapkan nilai-nilai seperti personaliti guru disiplin kerana ia akan mencetuskan ketidakselesaan pelajar.

Kekangan dalam pembentukan sahsiah

Hasil analisis data telah menemui empat sub tema bagi kekangan yang dihadapi GBK dalam pembentukan sahsiah murid sekolah menengah.

Penglibatan Iubapa: Ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah murid, tetapi terdapat cabaran apabila mereka kurang memberi sokongan. Peserta kajian 1 berkongsi, "Cabaran utama dalam pembentukan sahsiah murid ni ialah bila parents tak nak terlibat," walaupun sudah ada persetujuan untuk konsultasi. Peserta kajian 2 pula menambah, "Kadang-kadang ibu bapa salahkan kita balik... anak aku bukan macam ni kat rumah." Sikap sebilangan ibu bapa yang tidak menyokong atau tidak menghadiri sesi konsultasi menyukarkan GBK dalam menyampaikan maklumat dan perkembangan murid. "Bila benda tu tak sampai, payah lah kita nak menyampaikan masalah anak-anak," kata peserta kajian 2.

Stigma guru-guru: Stigma di kalangan warga sekolah, termasuk guru-guru, turut menjadi cabaran bagi GBK. Peserta kajian 1 berkongsi, "Cikgu-cikgu ada stigma yang berharap lepas pelajar keluar bilik kaunseling, mereka terus baik, tapi sebenarnya proses perubahan memerlukan masa." Ini menunjukkan bahawa jangkaan seperti mengharap perubahan segera dalam sahsiah murid, boleh menyukarkan usaha GBK dalam membentuk karakter murid.

Sikap Murid: Sikap sambil lewa di kalangan murid menjadi cabaran bagi GBK dalam pembentukan sahsiah. Peserta kajian 2 berkongsi, "Kita dah buat program sungguh-sungguh, tapi murid tak fokus dan hanya sekadar join." Walaupun program tersebut dirancang dengan baik, murid sering tidak mengambil serius intipati yang diajar.

Menjaga Etika: Selain cabaran dengan individu sekitar, GBK juga menghadapi kesukaran dalam mematuhi etika kerahsiaan. Peserta kajian 3 berkongsi, "*yang paling terseksa itu sebenarnya dalam kita menjalankan kes yang paling terseksa ialah kita menyimpan kes orang lain*". Menurut Peserta kajian 3, sebagai GBK, etika kerahsiaan sangat penting, dan cabarannya adalah menanggung beban tanpa dapat berkongsi dengan orang lain. Walaupun hal ini memberi gangguan, peserta kajian 3 akhirnya belajar cara menguruskan tekanan tersebut.

PERBINCANGAN

Persepsi mengenai sahsiah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap peserta kajian mempunyai pandangan berbeza mengenai sahsiah, namun terdapat persamaan dalam memahami sahsiah sebagai gabungan elemen luaran dan dalaman. PK01 dan PK03 melihat sahsiah sebagai gabungan elemen luaran dan dalaman, dengan PK03 lebih menekankan aspek kerohanian, sementara PK02 dan PK04 memberi fokus kepada sahsiah dari segi akhlak dan disiplin. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Sh. Noorhidayah Syed Aziz et al. (2022), "sahsiah merujuk kepada keperibadian, tingkah laku atau moral seseorang yang dibentuk oleh faktor psikologi, yang akhirnya membentuk keperibadian dan akhlak seseorang," yang seiring dengan kefahaman peserta kajian mengenai sahsiah yang merangkumi keperibadian, akhlak, dan penampilan.

Kajian ini juga mengenal pasti enam ciri murid yang mempunyai sahsiah baik, termasuk tingkah laku sopan santun, lisan yang baik, penampilan kemas, pengurusan masa yang bijak, pemeliharaan kerohanian, dan kepatuhan terhadap arahan guru. Nor Anisa Musa et al. (2022) menyatakan bahawa setiap murid perlu "memiliki tahap sahsiah yang tinggi dengan mengamalkan cara hidup beragama, berpenampilan sopan santun, berbudi bahasa, mempunyai jati diri dan pelbagai lagi hal-hal berkaitan psikologi." Ciri-ciri ini sejajar dengan kajian sebelumnya yang menekankan pentingnya aspek kerohanian, keterampilan, dan psikologi dalam membentuk sahsiah.

Secara keseluruhannya, sahsiah pelajar ditafsirkan secara holistik, melibatkan penampilan, karakter, akhlak, tingkah laku, dan jati diri. Dapatan ini menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah murid bergantung pada faktor dalaman dan luaran, dengan peranan guru bimbingan kaunseling yang penting dalam membentuk sahsiah yang baik, seperti yang dinyatakan oleh Sarina Aini Kasim & Nur Eliza Mohd Noor (2022), "Sahsiah yang baik akan dapat dicapai sekiranya guru memainkan peranan mereka dengan berkesan."

Tanggungjawab GBK

Kajian ini mendapati bahawa GBK memainkan beberapa peranan utama dalam pembentukan sahsiah murid sekolah menengah, termasuk merancang dan melaksanakan program-program berkaitan sahsiah. Antara program yang dijalankan adalah Duta Sahsiah, Program Pembentukan Karakter, dan Program Bacaan Al-Quran. Program-program ini mendukung pembentukan sahsiah dengan memberi penekanan pada nilai keperibadian yang baik (Anisa Musa et al., 2022). Selain itu, GBK juga berperanan dalam memberi teguran, menggalakkan luahan perasaan, dan bekerjasama dengan guru lain dalam pelaksanaan program, seperti yang diingatkan oleh PK03, bahawa "untuk membina karakter murid bukanlah satu perkara yang mudah."

GBK juga bertanggungjawab memberi peluang kedua kepada murid yang melakukan kesalahan dan menunjukkan empati dalam mendidik mereka. Kajian ini mengaitkan peranan ini dengan pendekatan intervensi, seperti penggunaan teori REBT yang membantu merasionalkan pemikiran murid yang tidak rasional, yang boleh membawa kepada masalah emosional dan tingkah laku yang tidak wajar (Hadijah Johari et al., 2022). Dalam usaha ini, sokongan daripada ibu bapa, pentadbir sekolah, dan pihak luar sangat diperlukan, seperti yang ditekankan oleh Aisyah Abu Bakar et al. (2023), yang menyatakan bahawa "sokongan sosial ibu bapa merupakan agen yang menjadi pemangkin dalam meningkatkan kesihatan mental seseorang."

Secara keseluruhannya, peranan GBK adalah besar dan melibatkan pelaksanaan berbagai program serta kolaborasi dengan pihak lain untuk membantu pembentukan sahsiah yang positif, bukan sahaja bagi individu murid tetapi juga untuk masyarakat dan negara.

Kekangan dalam pembentukan sahsiah

Cabaran pertama adalah penglibatan ibu bapa yang lemah, di mana mereka sering tidak bekerjasama dan menyalahkan GBK jika anak-anak mereka berkelakuan buruk. Kajian oleh Abdul Munir Ismail et al. (2016) menekankan bahawa anak-anak belajar daripada tindakan ibu bapa, menjadikan penglibatan mereka penting dalam pembentukan sahsiah murid. Kedua, stigma guru terhadap GBK turut menjadi cabaran besar, dengan guru-guru yang kadang-kadang meremehkan keberkesanan sesi kaunseling dan menganggap murid yang menghadiri sesi tersebut akan berubah dengan segera. Hal ini menambah tekanan pada GBK, kerana faktor rakan sebaya dan persepsi guru boleh mempengaruhi keberkesanan proses kaunseling.

Selain itu, sikap murid yang tidak peduli terhadap usaha GBK dan lebih fokus pada masalah sosioekonomi juga menjadi cabaran. Seperti yang dikatakan dalam kajian Parvathy Rajan Naidu et al. (2023), faktor sosioekonomi keluarga boleh mempengaruhi kesediaan murid untuk belajar dan membentuk sahsiah mereka. Akhirnya, cabaran dalam menjaga etika kerahsiaan turut dihadapi oleh GBK, di mana mereka perlu menyimpan masalah murid tanpa berkongsi dengan orang lain. Walaupun sukar, GBK belajar untuk menguruskan tekanan ini. Kajian Ahmad Fuad Mohamad Amin et al. (2023) menyatakan bahawa masalah sosial di kalangan murid berkait rapat dengan persekitaran mereka, termasuk rumah dan sekolah, yang menjadikan cabaran ini lebih kompleks.

Secara keseluruhannya, pembentukan sahsiah murid sekolah menengah memerlukan sokongan dari pelbagai pihak untuk mengatasi cabaran yang ada.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini dalam pendidikan mencadangkan pelaksanaan strategi intervensi yang sistematik dan menyeluruh, seperti kaunseling berbentuk pengalaman, aktiviti kreatif, dan penggunaan teknologi untuk memberi kesedaran mengenai sahsiah kepada murid. Hal ini akan membantu GBK dalam meningkatkan keberkesanan program bimbingan dan membantu sekolah membangunkan pendekatan yang lebih berstruktur dalam membentuk sahsiah pelajar.

Bagi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), kajian ini memberikan pandangan yang jelas mengenai peranan GBK dalam pembentukan sahsiah pelajar dan cadangan untuk memperkenalkan modul sahsiah yang lebih berstruktur. Kajian ini juga memberi asas untuk memperbaiki modul sedia ada dan menyarankan keperluan latihan tambahan untuk GBK. Selain itu, kajian ini membantu KPM memperkukuhkan kerjasama antara sekolah, ibu bapa, guru subjek, dan komuniti bagi menyokong perkembangan sahsiah pelajar.

Kajian ini juga memberi impak kepada ibu bapa dengan menekankan kepentingan mereka dalam memahami konflik identiti anak-anak dan memberikan sokongan dalam pembentukan sahsiah mereka. Ibu bapa dapat menyedari peranan penting mereka dalam mendidik anak-anak serta memantau aktiviti mereka di sekolah, khususnya dalam aspek didikan agama dan sahsiah.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa aspek yang boleh diterokai pada kajian akan datang adalah kajian perbandingan antara sekolah bandar dan luar bandar. Kajian perbandingan antara sekolah bandar dan luar bandar ini dapat memberikan gambaran lebih mendalam mengenai bagaimana faktor persekitaran mempengaruhi peranan dan cabaran yang dihadapi oleh GBK. Dengan melihat perbezaan antara kedua-dua jenis sekolah ini, kita dapat memahami kesulitan dan kelebihan yang dihadapi oleh GBK dalam menjalankan tanggungjawabnya di sekolah. Selain itu, aspek yang boleh diperbaharui pada kajian akan datang adalah dengan melaksanakan kajian longitudinal. Kajian longitudinal ini bertujuan untuk memantau kesan jangka panjang bagi program pembentukan sahsiah yang dirancang oleh GBK di sekolah. Dengan mengikuti murid dari awal sehingga akhir program, kajian ini dapat mengukur sejauh mana kesan program tersebut terhadap pembentukan sahsiah mereka. Penyelidikan ini turut memberi peluang kepada pengkaji untuk melihat perubahan positif, kelebihan atau kekurangan yang boleh ditambahbaik untuk masa akan datang.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa GBK memainkan peranan utama dalam pembentukan sahsiah murid sekolah menengah, dengan tafsiran sahsiah yang holistik merangkumi penampilan, karakter, akhlak, tingkah laku, dan jati diri pelajar. Murid yang memiliki sahsiah baik bukan sahaja dilihat dari segi luaran, tetapi juga aspek dalaman seperti kerohanian. Pelbagai program seperti Duta Sahsiah dan Menjadi Lelaki Budiman telah dilaksanakan oleh GBK untuk membentuk sahsiah murid. Selain itu, GBK berperanan dalam memberikan peluang kedua kepada murid dan memastikan kerjasama dalam pelaksanaan program.

Namun, cabaran seperti kurangnya penglibatan ibu bapa, stigma dari guru lain, sikap murid yang tidak serius, dan masalah sosioekonomi turut menghalang usaha GBK. Walaupun begitu, kajian ini menegaskan bahawa GBK berperanan penting dalam memperkasakan sahsiah murid dan menyumbang kepada masyarakat berakhlak dan berilmu. Dapatan kajian ini menunjukkan pentingnya sokongan bersepadu daripada GBK, guru-guru lain, ibu bapa, dan masyarakat dalam membentuk sahsiah murid. Kajian ini diharap dapat menjadi asas untuk penyelidikan lanjutan dalam meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pembentukan sahsiah.

PENGHARGAAN

Sekalung apresiasi kepada Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas ini. Semua peringkat penyelidikan, termasuk pengumpulan data, analisis, dan tafsiran, telah dijalankan secara objektif dan bebas, tanpa sebarang pengaruh luar.

SUMBANGAN PENULIS

Pengarang telah memberikan sumbangan saintifik yang signifikan kepada penyelidikan dalam manuskrip, meluluskan tuntutannya, dan bersetuju untuk menjadi pengarang.

PENGISYTIHARAN AI GENERATIF

Semasa penyediaan kerja ini, penulis menggunakan *ChatGPT (OpenAI)* untuk meningkatkan kejelasan dan kebolehbacaan manuskrip. Selepas menggunakan alat ini, pengarang menyemak dan menyunting kandungan seperti yang diperlukan dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk kandungan penerbitan.

PENYATA ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

- Abdul Munir, I., Saharizah, M. S., & Misnan, J. (2016). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 1–10.
- Adnan, A. S. (2023). Murid makin hilang hormat, nilai adab kepada guru. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1100287/murid-makin-hilang-hormat-nilai-adab-kepada-guru>

- Ag Kiflee@Dzulkifli, D. N., Talip, R., Bikar Singh, S. S. A., Talin, R., Lee, B. N., Tan, C. K., & B. Madjapuni, M. N. (2020). Hubungan antara Pembangunan Penerapan Nilai dalam Pendidikan Abad Ke-21 dengan Pembentukan Sahsiah Murid Sekolah Kurang Murid (SKM) Luar Bandar di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 179–187. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.577>
- Ahmad Fuad, M. A., Zurkarnin, Z., Mahiz, S., Abdel Rahman, S. I., & Nurul Atikah, A. (2023). Trend Persekitaran Sosial dan Implikasi Terhadap Tanggungjawab Diri Remaja Generasi Z. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 31(2), 131–142. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol31no2.653>
- Ananda Rivaldo Sari. (2021). The Role Of Teachers In Building Student Character At Sindangsari 02 State Elementary School. *Jurnal Papatung*, 4(3), 48–59. <https://doi.org/10.54783/japp.v4i3.537>
- Ahmad Suhael Adnan. (2023, May 12). *Murid makin hilang hormat, nilai adab kepada guru*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1100287/murid-makin-hilang-hormat-nilai-adab-kepada-guru>
- Astro Awani. (2021). *Sesi PdPR terganggu, murid “tayang” video lucu ketika guru mengajar*. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sesi-pdpr-terganggu-murid-tayang-video-lucah-ketika-guru-mengajar-281221>
- Clarke, V., & Braun, V. (2013). Teaching thematic analysis: Overcoming challenges and developing strategies for effective learning. *The psychologist*, 26(2), 77-101.
- Darakhshan, P. & Shameem, A. (2023). The Role of Guidance and Counselling in Schools : A literature Review. *The International Journal of Indian Psychology*, 11(2), 558–568. <https://doi.org/10.25215/1102.058>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Pusat rujukan persuratan melayu @PRPM*. Prpm.dbp.gov.my. https://prpm.dbp.gov.my/Faktor-faktor_yang_Menyumbang_Kepada_Keruntuhan_Sahsiah_Remaja_Islam_di_
- Gui, A. K. W., Yasin, M., Abdullah, N. S. M., & Saharuddin, N. (2020). Roles of Teacher and Challenges in Developing Students' Morality. *Universal Journal of Educational Research*, 8(3C), 52–59. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081606>
- 'Izzan 'Atifah, M. B., Noraini, O., Khairiyah, N., & Nur Dalila, K. (2023). Hubungan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dengan Kemenjadian Sahsiah Murid Di Bahagian Samarah. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*, 1(1), 44–52. <https://www.masree.info/wp-content/uploads/2024/03/IJFEA-Article-5-1.pdf>
- Ismail, W. a. F. W., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. B. A., & Alias, M. a. A. (2021). Faktor-Faktor yang Menyumbang Kepada Keruntuhan Sahsiah Remaja Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *ResearchGate*. https://www.researchgate.net/publication/358926038_
- Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif. *ResearchGate*. https://www.researchgate.net/publication/293097747_Kesahan_dan_Kebolehpercayaan_dalam_Kajian_Kualitatif
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2023). *Buku Panduan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Anyflip. <https://online.anyflip.com/aldhk/cpto/mobile/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2024). *Pengenalan Pendidikan Menengah*. Moe.gov.my. <https://www.moe.gov.my/pengenalan-3>
- Kulkarni, K. H. (2021). Role of Teacher in Students Personality Development. *Aayushi International Interdisciplinary Research Journal (AIIRJ)*, VIII(II), 110. https://www.aiirjournal.com/uploads/Articles/2021/03/5025_31.Dr.%20K.H.%20Kulkarni.pdf
- Lian, B., Muhammad, K., Dwi Ammelia, G. P., & Muhammad Anggung, M. P. (2020). Teachers Model in Building Students Character. *Multidisciplinary Review Journal*, 7(14), 927–932. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.14.165>
- Mohamed, N. A. (2024, June 4). *Berhenti, dibuang sekolah faktor calon tidak ambil SPM*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/668211/edisi/perak/berhenti-dibuang-sekolah-faktor-calon-tidak-ambil-spm>
- Mstar. (2024, April 29). *Guru ganti beremosi pelajar biadab, naik kepala bila berlembut. Esoknya terus ubah sikap jadi cikgu tegas, serius dalam kelas*. mStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2024/04/29/guru-ganti-beremosi-pelajar-biadab-naik-kepala-bila-berlembut-esoknya-terus-ubah-sikap-jadi-cikgu-tegas-serius-dalam-kelas>
- Nor Anisa Musa., Nor Aniza Ahmad., & Mohd Syaubari Othman. (2022). Pembentukan Sahsiah Murid Melalui Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 9(1), 109–134. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v9i1.71>

- Norharah, A. H., & Faridah, M. K. (2021). Penghayatan Adab Kesopanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Masa Kini Di Daerah Zon Kajang. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 3(1), 173-187.
- Nur Hafiza, & Firman, F. (2023). Character Development through Student Guidance and Counseling at School. *Educational Guidance and Counseling Development Journal*, 6(2), 117–117. <https://doi.org/10.24014/egcdj.v6i2.23166>
- Nurul Izzah Noor Zainan, Nurul Hidayah Awang @ Abd Rahman, Mohd Khairul Anuar, I., Nor Asmira, M. J., Zanirah, M. @ B., Zulkarnain, Y., & Salma, A. R. (2021). Impak Media Sosial terhadap Keruntuhan Akhlak dalam Kalangan Pelajar : Satu Tinjauan Awal. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*, 98–103. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/45207/1/45207.pdf>
- Nurzatil, I. A., Nazneen, I., Siti Mursyidah, M. Z., & Nur Fatimah, Z. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial Dan Perkembangan Teknologi Challenges Of Adolescent Morality Through The Social Environment And Technology Development. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 118–129.
- Rao, N. M., Rehman, Ch. A., Bajwa, S. U., & Nasir, N. (2024). Role of Teachers in the Character Development of Students Findings from a Systematic Review. *Academy of Education and Social Sciences Review*, 4(4), 575–594. <https://doi.org/10.48112/aessr.v4i4.935>
- Rajan Naidu, P., Norliza, A. M., Nachiappan, S., & Kumar Veerasamy, J. (2023). Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Kesiapan Belajar Pelajar Sekolah Menengah. *Evaluation Studies in Social Science (ESSS)*, 4(1), 1–14. <https://doi.org/10.37134/esss.vol4.1.1.2023>
- Rashidah, S., Razak, A., Islam, K., Selangor, A., Rokyah, S., Zain, M., & Razasah, S. (n.d.). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke*, 5(2020). <https://conference.uis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak5/ID007.pdf>
- Salwa, S. R., Nie, W. T. W., Ejaipi, A. E., Panjabi, N. I. A. M. K. A., Hussin, M. S. Z., Ismail, U., Husaini, S. N., & Husin, M. R. (2022). Kesan daripada Pandemik: Murid Hilang Rasa Hormat Terhadap Guru. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2), 89–103. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0402.391>
- Sandi, B., Aam, N., & Nur Sa'adah. (2021). Triangulasi. *Pedagogal: Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 00(00), 1–12.
- Sarina Aini, K., & Nur Eliza, M. N. (2022). Pembinaan Sahsiah Murid Melalui Komunikasi Berkesan Dalam E-pembelajaran Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 7(47). EISSN: 0128-164X. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.747063>
- Shazarina Zdainal Abidin, Suhana Mohamed Lip, Sulaiman, S. H., Ishak, M. F., Sabilan, S., Shahidan, N., & Ariffin, N. (2023). Kepercayaan Kecerdasan Diri Dalam Kalangan Pelajar : Satu Sorotan Literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 24, 14–27. <https://doi.org/10.17576/malim-2023-2401-02>
- Sh. Noorhidayah, S. A., Khairul, A. M., & Hasnan, K. (2022). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz [Review of *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz*]. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 259–271.
- Tengku Kasim, T. S. A., Mohd Noor, N. E., & Md. Yusoff, Y. (2022). Cabaran Guru Dalam Pembinaan Sahsiah Murid Melalui E-Pembelajaran Pendidikan Islam. *Sains Insani*, 63–71. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.volno.448>
- Zia Ul Haq, K., Rizwana, R., Aamir, R., & Salma, A. (2023). Criteria for Assessing and Ensuring The Trustworthiness in Qualitative Research. *International Journal of Business Reflections*, 4(2), 150–173. <https://doi.org/10.56249/ijbr.00.00.00>
- Zuchri Abdussamad, H., S.I.K, & M.Si. (2021). *Metode Penelitian Kualitatif*. Syakir Media Press. <https://repository.ung.ac.id/karyailmiah/show/8793/buku-metode-penelitian-kualitati.html#>